

Tindakan segera bantu Karyaneka perlu diambil

Sanusi arahkan keselamatan projek yang tengendala



ENCIK SANUSI JUNID

KUALA LUMPUR, Jumaat

MENTERI Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid, mengarahkan tindakan segera diambil bagi menentukan semua projek Organisasi Pemasaran Kraftangan (Karyaneka) yang tengendala mencapai kejayaan.

Katanya, kejayaan Karyaneka akan menjadi salah satu usaha berkesan untuk meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar.

Encik sanusi berkata demikian semalam mendengar taklimat mengenai Karyaneka yang ke Kemajuan Masyarakat (Kemas) di bawah kementerianannya.

Bellau berkata, rancangan Karyaneka akan menumpukan perhatian terhadap peningkatan mutu pengeluaran untuk mendapat pasaran yang baik dan luas hingga ke peringkat antarabangsa.

"Bahagian pemasaran hendaklah memainkan peranan yang cergas kerana tanpa kecerdasan ini pengeluaran yang bermutu tidak akan membawa erti," tambahnya.

Bellau mahu Sekretariat Karyaneka mengumpul barang-barang kraftangan dari negara-negara lain untuk dibandingkan dengan usaha-usaha tempatan bagi mendorong mereka yang terlibat dalam kerja kraftangan meningkatkan mutu pengeluaran.

Encik Sanusi menyarankan agar seluruh tenaga kerja digerakkan sehingga menjadi satu tenaga pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Bellau meminta supaya Kemas bekerjasama rapat dengan Sekretariat Karyaneka untuk melaksanakan rancangan Karyaneka dengan berjaya.

Pegawai-pegawai yang mewakili jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian yang turut terlibat dalam jawatankuasa-jawatankuasa kecil Karyaneka hendaklah terdiri dari orang-orang yang berminat untuk memajukan rancangan itu.

Bellau menambah, pegawai-pegawai itu hendaklah tetap dan jangan berubah setiap kali mesyuarat diadakan.

Pengerusi Jawatankuasa Pemasar Karyaneka, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali, dalam ucapannya berkata, Karyaneka adalah sebuah badan bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar di samping menggalakkan mereka menggunakan sepenuhnya kemampuan dan kemahiran yang ada untuk menambahkan pendapatan.

Dalam pelaksanaannya, jawatankuasa penasihat menetapkan projek Karyaneka dilaksanakan secara berperingkat-peringkat supaya pengalaman yang didapati boleh pula digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang bakal dihadapi, katanya.

Bellau berkata, dengan jalan demikian masalah yang sama tidak lagi berulang ketika projek itu diperluaskan ke seluruh negara kelak.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah berkata, peringkat-peringkat pelaksanaan ditentukan kepada jenis kraftangan yang dikeluarkan dan dipasarkan, bukan kepada pemilihan atau penyertaan kampung atau kawasan seperti mana yang dirangka sebelum ini.

Di antara projek-projek yang dikirakan boleh menambah hasil pendapatan keluarga ialah jahitan dan sulaman tangan atau mesin, pakaian, gubahan bunga dan perusahaannya patung-patung.

Sementara lain-lain projek seperti menanam cendawan, menanam bunga, memelihara lebah untuk madu, makanan awet dan perusahaannya kayu akan juga dilaksanakan.

Katanya, kesemua projek-projek itu dapat dijalankan di dalam dan di kawasan-kawasan rumah atau bengkel-bengkel kecil sama ada sepenuh masa ataupun separuh masa oleh suri rumah tangga luar bandar maupun di kawasan bandar.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia